

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, August 1, 2018 4:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Nikmati Hidup Dengan Lebih Bermakna



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

1 OGOS 2018 / 19 ZULKAEDAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

NIKMATI HIDUP DENGAN LEBIH BERMAKNA



UUM ONLINE: Peranan sebagai seorang penjawat awam memberi pengalaman yang sangat menarik, penuh dengan kenangan, dugaan, cabaran serta banyak ilmu pengetahuan yang boleh dikongsikan.

"Kita harus membuka ruang seluas-luasnya kepada pesara untuk terus menyumbang kepada kemajuan negara dengan memanfaatkan pengalaman yang dimiliki sebagai amal soleh demi pembangunan dan masa depan rakyat yang lebih baik."

Demikian kata Pemangku Pendaftar UUM, Baharudin Yaacob pada Seminar Prapersaraan 2018 anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, di HIG Hotel, Pulau Langkawi.

“Selamat datang kepada peserta dari pelbagai peringkat jawatan, jabatan dan agensi kerajaan dari seluruh negara dan saya berharap seminar ini memberikan impak yang terbaik kepada peserta,” ujarnya mewakili Naib Canselor UUM.

Jelasnya, Seminar Prapersaraan ini merupakan kali yang ke-13 dianjurkan oleh UUM semenjak 2005 lagi yang amat bertepatan dalam menyediakan anggota perkhidmatan awam yang akan bersara mengenai pengetahuan mengenai peluang dan cabaran baru serta mengadakan jaringan (*networking*).

“Seminar ini menyediakan kebolehan menangani cabaran, ketahanan mental dan psikologi serta persediaan ke arah peningkatan kualiti dan gaya hidup sihat di samping membolehkan seseorang bersara dengan sempurna selain cekap dalam pengurusan pencen.

“Kita perlulah mahir dan memahami banyak aspek berhubung dengan urusan pencen seperti penyediaan dokumen, semakan rekod perkhidmatan

“Apa yang pasti persaraan destinasi yang akan ditempuh oleh setiap pekerja sejak awal perkhidmatan lagi kita sebagai penjawat awam telah sedia maklum bahawa persaraan itu adalah pengakhiran kepada perkhidmatan kita,” ujarnya.

“Saya bagi pihak UUM ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua barisan panel penceramah yang sudi berkongsi idea saya pasti ilmu yang disampaikan begitu bermanfaat untuk dijadikan panduan dalam menempuh alam persaraan.

“Saya juga ingin mengucapkan selamat menempuh alam persaraan nikmatilah persaraan dengan lebih bermakna dan setinggi-tinggi penghargaan atas jasa dan khidmat bakti dalam memajukan perkhidmatan,” ucapnya.

Seminar Prapersaraan 2018 yang berlangsung pada 31 Julai hingga 2 Ogos 2018 menampilkan beberapa tokoh terkenal seperti Ustaz Dato’ Mohammad Kazim Elias, Fizo Omar dan Ahmad Shafiai Uda Jaafar @ Pak Utih

Seminar 3 hari itu sarat dengan pengisian bermanfaat selain menampilkan penceramah dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Pakar Dietetik dari Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions,

conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.